

## Ahli2 silat dinasihati jangan takbur

23 AUG 1984

B. Harian (M) 2

KUALA LUMPUR, 23 — Setiausaha Parlimen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Encik Awang Jabar menasihatkan ahli-ahli silat di negara ini supaya jangan bersikap takbur atau angkuh bila telah mendalami segala ajaran silat, sama ada ajaran fizikal atau kebatinan.

"Sepatutnya sebagai ahli silat, mereka harus melengkapi diri dengan sebanyak-banyak ilmu pengetahuan.

"Mereka juga perlu meneliti serta mengawasi ahli-ahli silat lain yang menyeleweng daripada ajaran sebenar," katanya.

Encik Awang menyatakan demikian ketika merasmikan Pertandingan Silat Olahraga Peringkat Kebangsaan anjuran Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka)

dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di Pusat Sukan, Kampung Pandan di sini semalam. *(MENCAL SILAT)*

Katanya: "Setiap persatuan atau pertubuhan harus mengambil langkah memastikan perpaduan dan persefahaman sentiasa wujud dalam masyarakat negara ini".

### Rapatkan

Beliau menganggap pertandingan yang dianjurkan oleh Pesaka sebagai satu cara baru merapatkan hubungan sesama ahli persatuan silat di seluruh negara di samping berkenal mesra dengan KKBS.

Encik Awang juga menyeru empat negeri yang belum menyertai Pesaka iaitu Terengganu, Negeri Sembilan, Selangor dan

Sabah supaya segera berbuat demikian kerana negara ini mementingkan perpaduan dan penyatuan di kalangan rakyatnya.

KKBS juga akan cuba memberi bantuan terhadap sebarang kegiatan silat di negara ini.

Pesaka yang ditubuhkan 24 September lalu dianggotai oleh 10 negeri dan ia menggabungkan persatuan-persatuan silat seperti Seni Silat Gayung, Lincah, Cekak dan Fatani.

Lapan negeri menyertai Kejohanan Silat Olahraga peringkat Kebangsaan yang berlangsung tiga hari.

Kejohanan ini juga diadakan untuk memilih wakil negara ke pertandingan Seni Silat Antarabangsa yang dijangka berlangsung akhir tahun ini.